

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Mengenai Pengetahuan, Sikap dan Cabaran Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

(Validity and Reliability of Questionnaire on Teacher's Knowledge, Attitude and Challenges in Implementing Classroom Assessment)

Vinoothini Mannogaran¹ , Nor Azwahanum Nor Shaid^{2*} 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: vinoothinimanogaran@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: azwahanum@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nor Azwahanum Nor Shaid
(azwahanum@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kesahan
Kebolehpercayaan
Pentaksiran Bilik Darjah
Pengetahuan
Sikap
Cabaran

KEYWORDS:

Validity
Reliability
Classroom Assessment
Knowledge
Attitudes
Challenges

CITATION:

Vinoothini Mannogaran & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Mengenai Pengetahuan, Sikap dan Cabaran Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e001958. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.1958>

ABSTRAK

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen merupakan elemen yang amat penting bagi memastikan kejituan item soal selidik yang dibina. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik tahap pengetahuan, sikap dan cabaran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Instrumen soal selidik telah disahkan dari segi kesahan muka dan kesahan kandungan oleh dua orang pakar dalam bidang kajian. Manakala nilai kebolehpercayaan pula dikenal pasti melalui pengiraan nilai Alpha Cronbach. Seramai 30 orang guru Bahasa Melayu daripada Sekolah Kebangsaan daerah Seberang Perai Utara telah dipilih sebagai responden kajian ini. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada empat bahagian yang perlu diisi oleh responden seperti demografi responden, pengetahuan, sikap dan cabaran guru Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan indeks kesahan kandungan skala (S-CVI/ Ave) sebanyak 1.000 dan skor nisbah kesahan (CVR) pula menunjukkan nilai +1. Ini ia bermaksud setiap item kajian telah mewakili domain kostruk yang dikehendaki dan disahkan penting. Dapatan kajian nilai Cohen Kappa pula menunjukkan bahawa instrumen kajian ini mempunyai nilai kesahan yang tinggi ($k = 0.680$, $p = 0.001$), manakala dapatan kebolehpercayaan ($\alpha = 0.813$) didapati tinggi dalam kalangan penilai. Hal ini bermaksud instrumen kajian ini amat sesuai digunakan bagi mengukur pengetahuan, sikap dan cabaran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Implikasi kajian ini adalah untuk membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM dalam pelaksanaan PBD yang lebih baik dan lancar.

ABSTRACT

This survey study was conducted develop research

instrument on the level of knowledge, attitudes and challenges of Malay teachers towards the implementation of Classroom Assessment (PBD). The accuracy of each research item can be maintained through testing the validity and reliability of the instrument. The questionnaire was verified in terms of face validity and content validity by two experts in the field of this study. While the reliability value is identified by calculating Cronbach's Alpha value. A total of 30 Malay teachers from the Seberang Perai Utara National School were selected as respondents for this study. This questionnaire has been divided into four sections that need to be filled in by respondents such as respondent demographics, knowledge, attitudes and challenges of Malay teachers. The findings of this study shows that the Scale-Content Validity Index (S-CVI/Ave) is 1.000 and the Content Validity Ratio (CVR) shows a value of +1. This means that each study item has represented the desired construct domain. The results of the Cohen Kappa value study show that this research instrument has a high validity value ($k = 0.680$, $p = 0.001$) while the reliability findings ($\alpha = 0.813$) were found to be high among the assessors. This means that this research instrument is very suitable to conduct research. The implication of this study is expected to help schools, PPD, JPN and KPM in order to implement PBD correctly and smoothly.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah menyiasat tahap pengetahuan, sikap dan cabaran guru Bahasa Melayu, Daerah Timur Laut dalam pelaksanaan PBD. Kajian ini mampu memberi gambaran kepada pihak PPD, JPN atau KPM bagi penambahbaikan pelaksanaan PBD di negara Malaysia.

1. Pengenalan

Pada tahun 2011, sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan di Malaysia telah mengalami perubahan kepada penggunaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi sekolah rendah. Tujuan perubahan ini dilakukan adalah untuk mentaksir murid dari segi pelbagai aspek yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Namun pada tahun 2018, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mula diperkenalkan selaras dengan kurikulum baharu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). PBD telah dijalankan untuk menilai dan mentafsir tahap penguasaan murid dalam semua mata pelajaran sepanjang tahun. [Climie dan Henley \(2016\)](#), berpendapat bahawa kini kita berada di zaman yang memerlukan pengukuran berdasarkan keupayaan atau kemampuan yang dimiliki oleh murid dan bukan banding bezakan pencapaiannya.

Menurut [Halimah dan Radhiah \(2019\)](#), PBD bertujuan untuk membantu dalam perkembangan pembelajaran dan tahap penguasaan murid secara menyeluruh. Murid dapat mengenali kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada sesi pembelajaran sekiranya proses pentaksiran ini dijalankan. Manakala guru pula berpeluang untuk merancang dan menambahbaik kaedah pengajarannya agar dapat lebih efektif ([KPM, 2018](#)). Hal ini kerana, guru bertanggungjawab untuk menilai dan membuat penskoran keseluruhan kepada murid di peringkat sekolah ([Zamri et al., 2014](#)). Rentetan dari itu, PBD bergantung sepenuhnya kepada faktor guru yang mengendalikannya agar

keberhasilan transformasi ini dapat dilihat dengan jelas. Walaupun PBD telah dirangka berdasarkan konsep pentaksiran formatif yang guru-guru sudah lama praktikkan di sekolah, namun masih terdapat kebimbangan kepada guru untuk menggunakan kaedah pentaksiran ini untuk menilai murid (Keddie, 2018). Menurut Kalai Selvam dan Joohari (2021), keadaan ini menjadi lebih rancak apabila KPM mengumumkan pemansuhan UPSR dan pelaksanaan PBD secara sepenuhnya. Oleh itu, tinjauan awal ini dijalankan bagi mengenal pasti pengetahuan, sikap dan cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa melaksanakan PBD.

1.1. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji nilai kesahan dan kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian tentang pengetahuan, sikap dan cabaran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.

2. Sorotan Literatur

2.1. Pentaksiran dalam bilik darjah

Kebiasaannya perancangan PdP untuk murid-murid memerlukan perancangan, pelaksanaan dan seterusnya pentaksiran oleh guru-guru yang mahir mengaplikasikan ilmunya dalam PdP. Proses pentaksiran telah lama dipraktikkan di sekolah-sekolah Malaysia terutamanya dalam konteks Pendidikan Bahasa Melayu. Kebolehan murid untuk mengeluarkan maklumat, berkongsi pendapat yang kreatif dan inovatif dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul merupakan maksud pentaksiran (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2000). PdP Bahasa Melayu amat menekankan kemahiran menulis bagi menambah baik pelaksanaan pentaksiran dari semasa ke semasa. Guru akan menjalankan pentaksiran mengikut lokasi sekolah yang sesuai dan menetapkan tarikh pelaksanaannya (Aniza, 2014).

Menurut Sahari (2002), proses pengumpulan maklumat murid bagi tujuan tafsiran dan datanya digunakan untuk meningkatkan keberkesanan PdP ditakrifkan sebagai PBD. Proses ini dikendalikan oleh setiap guru mata pelajaran untuk membuan pengukuran dan penilaian terhadap kualiti proses pengajarannya. Mark (2018) berpendapat bahawa PBD bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kebolehan dan pencapaian murid dalam pelajaran malah ia juga dijalankan untuk guru mengenali kelebihan dan kelemahan murid agar dapat menambahbaik proses pengajarannya berdasarkan maklum balas murid. Hal ini kerana, pentaksiran ini dijalankan untuk mengetahui dan merancang sesi pengajaran yang perlu dikendalikan oleh guru agar murid mencapai tahap penguasaan yang dihasratkan (Maki, 2002). Oleh itu, guru perlu berfokus terhadap pentaksiran ini agar dapat membina sahsiah dan amalan yang cemerlang dalam diri murid (KPM 2018).

2.2. Pengetahuan, sikap dan cabaran pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Sebenarnya, terdapat dapatan kajian lalu yang menyatakan bahawa kriteria pemarkahan yang perlu disediakan oleh guru Bahasa Melayu adalah sangat penting dalam pelaksanaan PBD. Heejeong (2015) percaya bahawa peraturan pemarkahan adalah skor skala atau syarat pemarkahan diperlukan oleh penilai semasa menjalankan PBD. Nilai pemarkahan ini ditentukan oleh guru melalui penilaian semasa sesi pengajaran mengikut gred daripada aras yang paling mudah kepada yang lebih sukar. Penilai

menggunakan kriteria pemarkahan sebagai panduan untuk menilai dan mengesan kemajuan murid dan membolehkan murid meningkatkan prestasi akademik mereka (Arter, 2000). Hal ini kerana, proses PdP bermula daripada pengetahuan guru dan cara guru mengendalikannya. Oleh itu, guru perlu merancang aktiviti selepas PdP iaitu tentang pentaksiran untuk melihat kualiti pengajarannya.

Seterusnya, terdapat kajian Masfarizan dan Yusoff (2020) yang membincangkan tentang sikap yang perlu dimiliki oleh guru Bahasa Melayu menyediakan bahan pentaksiran yang sesuai berdasarkan sesi pengajaran serta mengambil langkah atau inisiatif sendiri untuk mentaksir murid. Huzairi (2017) pula menyatakan bahawa pengurusan evidens pentaksiran bilik darjah perlu dijalankan dengan cekap kerana ia mampu memberi impak positif kepada penguasaan murid semasa pelaksanaan pentaksiran di sekolah. Sistem pentaksiran negara kita akan terjejas sekiranya guru bersikap lewa dan tidak menunjukkan kesungguhan dalam pentaksiran murid (Norshafinaz & Faridah, 2018). Hal ini kerana penilaian yang telus dan tepat mampu memperkembangkan potensi murid dan tidak dapat dilaksanakan sekiranya guru bergantung kepada sekeping kertas pentaksiran sahaja.

Di samping itu, kajian Arumugham (2020) membuktikan bahawa guru menghadapi pelbagai cabaran dalam pelaksanaan PBD seperti kekurangan peralatan dan bahan pengajaran. Norafizah (2018), menegaskan bahawa cabaran utama dalam pelaksanaan PBD ialah penggunaan peralatan ICT sebagai medium pengajaran dan pentaksiran oleh guru yang kurang berkemahiran ICT. Beliau juga menyatakan bahawa guru menghadapi cabaran dalam penyediaan bahan pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan murid dan yang mampu menarik minatnya. Selain itu, guru juga menghadapi cabaran dari segi sikap murid yang tidak mengetahui objektif pelaksanaan PBD. Murid tersebut tidak dapat menghayati kebaikannya dan tidak akan berusaha untuk mengembangkan potensi dirinya agar mendapat skor tahap penguasaan yang baik (Jacob & Parkinson, 2015). Oleh itu, terbukti bahawa pelaksanaan PBD perlu ditambah baik agar isu-isu yang dikatakan tidak berlaku lagi.

Oleh itu, Maria dan Sammy (2018) telah mencadangkan sebanyak empat langkah untuk guru menjalankan pentaksiran. Antaranya ialah guru perlu menentukan sasaran pencapaian murid, mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada murid, menetapkan apa yang perlu diajar agar murid dapat mencapai objektif pembelajaran dan mengambil tindakan yang sepatunya dalam pengajaran. Guru harus mempunyai evidens pelaksanaan pentaksiran yang lengkap agar dapat dilihat keberhasilannya. Hasil daripada langkah-langkah ini, guru mampu menentukan skor tahap penguasaan yang sepatutnya diberikan kepada seseorang murid. Oleh itu, kajian Koh (2011), telah mencadangkan bahawa KPM perlu mengadakan program pengupayaan guru agar kompetensi guru dapat ditingkatkan.

3. Metod Kajian

Pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menjalankan tinjauan awal ini. Menurut David Lim et al. (2010), seseorang pengkaji mampu mengukur hubungan antara pemboleh ubah berdasarkan data yang diterima melalui kajian berbentuk kuantitatif. Reka bentuk kajian ini pula berbentuk kaedah tinjauan deskriptif dan inferensi. Menurut Noraini (2010) kaedah tinjauan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada responden kajian. Dapatan kajian telah diperoleh daripada soal selidik yang dibina. Responden bagi kajian ini adalah

seramai 30 guru Bahasa Melayu daripada daerah Seberang Perai Utara. Terdapat empat bahagian dalam instrumen kajian ini yang wajib dijawab oleh setiap responden kajian. Namun, soal selidik ini telah dihantar kepada dua pakar untuk mengira nilai kesahan manakala nilai kebolehpercayaan pula dikira melalui hasil dapatan yang diterima daripada responden kajian.

3.1. Instrumen Soal Selidik

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Menurut [David Lim et al. \(2010\)](#), soal selidik merupakan borang soal selidik ditakrifkan sebagai satu set soalan yang bercetak atau secara dalam talian yang membantu para pengkaji untuk memperoleh atau mengutip data kajian secara individu. Beberapa jurnal dan artikel daripada kajian-kajian lepas telah dirujuk oleh pengkaji dalam proses penghasilan instrumen soal selidik ini. Instrumen-instrumen yang pernah dibina oleh pengkaji juga dirujuk sebagai panduan dalam pembinaan konstruk dan item soal selidik. Soal selidik ini merangkumi empat bahagian. Setiap bahagian mengandungi sebanyak 10 item soalan. Soalan berbentuk skala Likert dengan lima pilihan jawapan telah diberi untuk mengenali tahap persetujuan responden terhadap item yang dikemukakan. Para pengkaji sering menggunakan skala ini untuk mengukur pandangan atau respons daripada peserta kajian terhadap pengetahuan, sikap atau cabaran ([Budiaji, 2013](#)). Jadi, responden kajian perlu memilih salah satu nombor iaitu bermula daripada 1 hingga 5 mengikut tahap persetujuan mereka.

Bagi menguji kesahan instrumen kajian, pengkaji telah mendapatkan kesahan kandungan dan kesahan muka pada dua orang pakar dalam bidang yang berkaitan dengan kajian ini. Kesahan ditakrifkan sebagai kesesuaian item dengan tujuan kajian untuk membolehkan inferens dilaksanakan oleh pengkaji ([Fraenkel & Norman, 1996](#)). Ketepatan sesuatu instrumen kajian diuji dan diukur melalui kesahan oleh pakar bidang masing-masing. Jadi, dua orang Panel Penyemak Instrumen Kajian telah dilantik bagi menyemak instrumen kajian bagi menguji kesahan. Para panel ini merupakan pensyarah di universiti awam dan pakar dalam bidang bahasa dan juga penyelidikan. Kedua-dua panel ini diminta menyemak dan memberi skor kepada instrumen kajian berdasarkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Mereka telah diberi dua pilihan untuk menilai setiap item soalan iaitu setuju dan tidak setuju. Komen untuk item yang tidak setuju dan yang perlu dibetulkan juga disertakan dalam instrumen yang dikembalikan oleh panel penyemak. Keseluruhannya, kedua-dua panel penyemak telah menyatakan bahawa tatabahasa dan laras bahasa yang sesuai serta mudah difahami digunakan dalam soal selidik.

Namun bagi mengelakkan berlakunya sifat berat sebelah atau unsur bias, pengkaji telah mengukur kesahan kandungan dengan menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan (*Content Validity Ratio, CVR*), Indeks Kesahan Kandungan (*Content Validity Indeks, CVI*) dan juga ujian Cohen Kappa. CVR merupakan salah satu pengukuran yang membantu untuk mengekalkan atau mengugurkan item yang ada pada instrumen kajian. Menurut [Yusoff \(2019\)](#), CVR membantu para pengkaji untuk menapis setiap item secara empirikal supaya mendapat kepastian bahawa ia benar-benar mewakili kandungan domain konstruk. [Mohamed et al. \(2017\)](#) menyatakan bahawa nilai CVR akan berada dalam lingkungan -1 hingga +1. Nilai yang hampir kepada +1 menunjukkan pakar penyemak telah mengesahkan bahawa item itu sangat penting dan berkait rapat dengan tajuk kajian. Manakala nilai yang berada di bawah 0.50 bermaksud item itu mempunyai unsur yang diragui, memerlukan penambahbaikan atau perlu digugurkan. Nilai CVI akan

dikira secara keseluruhan setelah nilai CVR dikenal pasti. Menurut [Shrotryia dan Dhanda \(2019\)](#), nilai CVI yang julatnya 0.8 dan ke atas bermaksud item di instrumen kajian itu mempunyai kesahan kandungan yang jelas dan tinggi. Kaedah pengiraan CVR dan CVI adalah seperti berikut :

$$CVR_i = \frac{ne - (N/2)}{N/2}$$

ne = jumlah panel pakar yang menilai item sebagai penting

N = jumlah keseluruhan panel pakar terlibat

$$I-CVI = \frac{\text{Item Yang Diterima (Skor 3 Atau 4)}}{\text{Bilangan Pakar}}$$

$$S-CVI/Ave = \frac{\text{Jumlah skor I-CVI}}{\text{bilangan item}}$$

Hasil daripada pengiraan nilai CVR, pengkaji telah berjaya membuktikan bahawa semua item dalam instrumen kajian ini adalah sah dan sesuai digunakan. Hal ini kerana, hasil pengiraan CVR menunjukkan nilai +1 dan ia bermaksud setiap item kajian telah mewakili domain kostruk yang dikehendaki. Nilai CVI pula menunjukkan nilai 1.000 seperti yang terdapat pada [Jadual 1](#). Nilai ini dikira berdasarkan persetujuan daripada kedua-dua pakar penyemak iaitu (N=2). Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa instrumen kajian ini memiliki kesahan kandungan yang sesuai. Hasil daripada pengiraan nilai CVR dan CVI adalah seperti di [Jadual 1](#) :

Jadual 1: Pengiraan CVI dan CVR soal selidik

Item	Pakar 1	Pakar 2	Persetujuan Pakar	I-CVI	CVR
1	1	1	2	1.000	1
2	1	1	2	1.000	1
3	1	1	2	1.000	1
4	1	1	2	1.000	1
5	1	1	2	1.000	1
6	1	1	2	1.000	1
7	1	1	2	1.000	1
8	1	1	2	1.000	1
9	1	1	2	1.000	1
10	1	1	2	1.000	1
11	1	1	2	1.000	1
12	1	1	2	1.000	1
13	1	1	2	1.000	1
14	1	1	2	1.000	1
15	1	1	2	1.000	1
16	1	1	2	1.000	1
17	1	1	2	1.000	1
18	1	1	2	1.000	1
19	1	1	2	1.000	1
20	1	1	2	1.000	1
21	1	1	2	1.000	1
22	1	1	2	1.000	1
23	1	1	2	1.000	1

24	1	1	2	1.000	1
25	1	1	2	1.000	1
26	1	1	2	1.000	1
27	1	1	2	1.000	1
28	1	1	2	1.000	1
29	1	1	2	1.000	1
30	1	1	2	1.000	1
31	1	1	2	1.000	1
32	1	1	2	1.000	1
33	1	1	2	1.000	1
34	1	1	2	1.000	1
35	1	1	2	1.000	1
36	1	1	2	1.000	1
37	1	1	2	1.000	1
				S-CVI/Ave 1.000	

Seterusnya, penilaian ujian Cohen Kappa pula dikira berdasarkan respons yang diberi oleh panel penyemak. Tujuan penilaian ini dijalankan adalah untuk menyatakan persetujuan antara para panel penyemak instrumen dalam menentukan nilai kebolehpercayaan yang tinggi terhadap sesuatu item soalan. Jadi, pengkaji telah menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 untuk mendapatkan nilai Cohen Kappa. Dapattannya telah dianalisis mengikut skala interpretasi nilai Koefisien Kappa yang dicadangkan oleh [Bernard and Ryan \(2010\)](#) seperti yang terdapat dalam [Jadual 2](#). Menurut [Jadual 2](#), nilai Koefisien Kappa yang lebih daripada 0.61 diklasifikasikan sebagai baik dan boleh diterima.

Jadual 2: Skala interpretasi nilai Koefisien Kappa

Interpretasi	Nilai Kappa
Sangat baik	0.81 – 0.99
Baik	0.61 – 0.80
Sederhana	0.41 – 0.60
Sederhana lemah	0.21 – 0.40
Lemah	0.00 – 0.20
Sangat lemah	< 0.00

Pengkaji juga mengira nilai kebolehpercayaan melalui maklum balas yang diberi oleh para responden. Kebolehpercayaan merupakan alat kajian yang menguji ketekalan pernyataan item yang tepat, mewujudkan keseragaman pada setiap item dan arahan setiap item dengan jelas ([Sabitha Marican, 2005](#)). Sebanyak 30 guru Bahasa Melayu sekolah rendah daerah Seberang Perai Utara telah dijadikan sebagai responden dalam kajian tinjauan ini. Pengkaji telah mengukur tahap kebolehpercayaan instrumen kajian melalui hasil dapatan yang diperolehi daripada para responden. Pengkaji telah menggunakan Ujian Croanbach's Alpha dalam perisian SPSS dan nilainya diukur melalui [Jadual 3](#). Menurut [Bond dan Fox \(2007\)](#), nilai *Alpha Croanbach* yang lebih daripada 0.61 diklasifikasikan sebagai baik dan boleh diterima.

Jadual 3: Interrestasi Nilai Croanbach

Nilai Croanbach Alpha	Kebolehpercayaan
0.9 - 1.0	Sangat baik dan efektif
0.7 - 0.9	Baik dan boleh diterima
0.6 - 0.7	Boleh diterima
< 0.5	Perlu dibaiki

4. Dapatan Kajian

Pengkaji telah menilai instrumen kajian dari segi kesahan dan kebolehpercayaan agar dapat digunakan dalam kajian sebenar. Sabitha (2006) berpendapat bahawa seseorang pengkaji mampu mengukur ketepatan instrumen kajiannya dengan menggunakan kesahan. Pengkaji juga mampu mengenal pasti semua ciri atau elemen yang perlu ada dalam sesuatu instrumen kajian melalui pengukuran kesahan. Manakala menurut Chua (2012), pengkaji dapat mengenal pasti keupayaan kajiannya dalam memperolehi nilai yang sama walaupun pengukuran yang sama diulangi melalui pengukuran kebolehpercayaan. Dapatan kajian telah membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik berada pada tahap yang tinggi.

4.1. Ujian Koefisien Kappa

Nilai kesahan telah dianalisis melalui 37 item soalan yang diberi kepada dua pakar penyemak instrumen kajian. Penilaian kesahan 37 item soalan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Nilai kesahan telah dikira dengan menggunakan pengiraan Cohen Kappa melalui perisian SPSS. Jadual 4 menunjukkan bahawa kedua-dua pakar penyemak instrumen telah mempunyai persetujuan yang sama terhadap 34 item soalan dan mempunyai perbezaan pendapat pada 3 item soalan. Nilai Koefisien Kappa juga menunjukkan nilai 0.680 dimana ia berada pada tahap kesahan yang baik dan sesuai digunakan untuk mengutip data kajian (Bernard & Ryan, 2010). Ini bermaksud terdapat persetujuan yang signifikan antara pakar penyemak instrumen pertama dan kedua ($p = 0.001 < \alpha = 0.05$).

Jadual 4: Dapatan pengiraan nilai Koefisien Kappa

Penilaian Item	Jumlah
Persamaan	34
Perbezaan	3
Nilai Koefisien Kappa	0.680
Nilai Approx. Sig (<i>p</i>)	0.001

Namun, komen justifikasi dan cadangan telah diberi oleh kedua-dua pakar penyemak bagi item-item yang tidak dipersetujui dan perlu dibaiki. Contohnya pakar penyemak pertama (P1) dan pakar penyemak kedua (P2) telah mencadangkan agar pengkaji tidak menggunakan singkatan dalam instrumen kajian. Perkataan 'P&P' yang terdapat pada soal selidik yang asal diminta menukar kepada 'proses pengajaran dan pembelajaran'. Selain itu, terdapat juga beberapa kesalahan penggunaan imbuhan yang perlu dibetulkan oleh pengkaji. Contohnya, perkataan 'memperbaiki' adalah salah daripada segi penggunaan imbuhan dan dicadangkan untuk tukar kepada 'membaiki'. Pengkaji

juga membuat kesalahan dari segi penggunaan istilah seperti 'tertinggal banyak masa' yang dicadangkan untuk tukar kepada 'kekurangan masa'. Namun, kedua-dua pakar telah menyatakan bahawa semua item yang disediakan telah menepati kehendak kajian. [Jadual 5](#) menunjukkan komen-komen daripada pakar penyemak instrumen kajian.

Jadual 5: Komen daripada pakar penyemak instrumen

Bahagian	Item	Komen
Pengetahuan	B1	P&P perlu ditulis dengan penuh (P1/P2)
	B8	Kesalahan struktur ayat (P2)
Sikap	C8	Kesalahan penggunaan imbuhan (P1)
	C9	Kesalahan penggunaan imbuhan (P2)
Cabaran	D2	Kesalahan penggunaan istilah (P2)
	D3	Kesalahan ejaan (P1/P2)
	D7	Kesalahan penggunaan istilah (P1/P2)
	D8	Kesalahan struktur ayat (P2)

Catatan: P1 = Pakar Penyemak Pertama, P2 = Pakar Penyemak Kedua

4.2. Ujian Kebolehpercayaan

Hasil daripada analisis data kajian rintis, pengkaji dapat nilai Croanbach Alpha bahagian B sebanyak 0.609, nilai bagi bahagian C ialah 0.756 manakala nilai bagi bahagian D ialah 0.870 seperti yang terdapat pada [Jadual 6](#). Nilai kebolehpercayaan keseluruhan item soal selidik kajian ini 0.748. Berdasarkan jumlah nilai alpha 0.813, nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik yang digunakan dianggap boleh diterima ([Bond & Fox, 2007](#)).

Jadual 6: Nilai Croanbach Alpha kajian rintis

Pembolehubah	Bilangan Item	Nilai Alpha
Bahagian B	10	0.609
Bahagian C	10	0.756
Bahagian D	10	0.870
Jumlah keseluruhan	30	0.813

5. Kesimpulan

Rumusannya, pengumuman penting dalam sistem pendidikan negara yang menyatakan PBD akan menggantikan UPSR telah dibuat dalam tempoh yang sangat singkat dan tanpa kursus atau latihan yang sepatutnya, namun guru-guru mampu melaksanakannya dengan baik. [Keddie \(2018\)](#) percaya bahawa sekiranya pembuat dasar berasa guru mampu melaksanakan perubahan yang akan diperkenalkan, perubahan itu boleh dilakukan pada bila-bila masa. Memandangkan PBD merupakan inspirasi baharu yang diperkenalkan di peringkat sekolah, ini menunjukkan bahawa isu ini perlu dikaji secara mendalam. Selain itu, hasil kerjasama semua responden kajian, pengkaji berjaya menjalankan tinjauan awal ini. Pengkaji juga mampu menghasilkan kajian yang mampu menjadi bahan rujukan kepada pihak yang berkaitan pada masa hadapan dengan mengikut prosedur kajian yang betul. Hasil tinjauan awal ini juga membuktikan bahawa instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini bermaksud para pengkaji boleh menggunakan

instrumen kajian ini untuk mendapatkan data kajian pada masa hadapan. Ia juga dapat membantu para guru mengenali kepentingan pelaksanaan PBD dalam sesi pengajarannya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM) telah diikuti oleh pengkaji dengan sepenuhnya. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian, PPD, JPN dan juga KPM.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pensyarah penyelia, Nor Azwahanum Nor Shaid yang sentiasa memberikan tunjuk ajar tanpa jemu. Tidak lupa juga kepada pusat pengajian saya iaitu Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyediakan platform ini. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada para responden bagi menjawab instrumen kajian yang disediakan dan menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan dan bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini. Segala tindakan telah diambil mengikut garis panduan yang disediakan dan penulis tidak melanggar etika penyelidikan yang ditetapkan.

Rujukan

- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arter, J. (2000). *Rubrics, scoring guides, and performance criteria: Classroom tools for assessing and improving student learning*. Pembentangan di mesyuarat tahunan New Orleans, LA: American Educational Research Association.
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal*, 3(1), 152–161.
- Bernard, H. R., & Ryan, G. W. (2010). *Analyzing Qualitative Data*. Los Angeles, Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Bond, T. & Fox, C. (2007). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences (2nd)*. Mahwah, NJ: LEA.

- Budiaji, W. (2013). Skala Pengukuran dan Jumlah Respon Skala Likert (The Measurement Scale and The Number of Responses in Likert Scale). *Ilmu Pertanian Dan Perikanan*, 2(2), 127-133.
- Chua, Y. P. (2012). *Kaedah dan statistik penyelidikan buku 2: Asas statistik penyelidikan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Climie, E., & Henley, L. (2016). A renewed focus on strengths-based assessment in schools. *British Journal of Special Education*, 43(2), 108-121.
- David Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md Yasin, Mohd Kidin Shahrin, Alias Mohd Yatim & Abdul Razak Habib. (2010). *HBEF2503: Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Open University of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. (1996). *How to Design and Evaluate Research*. USA : Mc. Fraw-Hill Inc.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah. (2019). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (2), 25-39.
- Heejeong, J. (2015). What is your teacher rubric? Extracting teachers' assessment constructs ? Practical Assessment, *Research & Evaluation*, 20(6), 1-13
- Huzairi Abdullah. (2017). Pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di sebuah sekolah menengah. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jacob, R. T., & Parkinson, J. (2015). The Potential for School-Based Interventions that Target Executive Function to Improve Academic Achievement: *A Review: Review of Educational Research*, 512-552.
- Kalai Selvam & Joohari Ariffin. (2021). Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah Dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Besar. *Asian People Journal*, 4 (2), 80 -89.
- Keddie, A. (2018). *Adult education: An ideology of individualism*. In *Adult education for a change*. 45-64. Routledge.
- KPM. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Koh, K. H. (2011). Improving teachers' assessment literacy through professional development. *Teaching Education*, 22(3), 255-276.
- Maki, P. L. (2002). Developing an assessment plan to learn about student learning, *Journal of Academic Librarianship*, 28(1), 8-13.
- Maria Vlachou & Sammy King. (2018). Classroom assessment practices in middle school science lessons: A study among Greek science teachers. *Cogent Education*, 5(1), 1455633.
- Mark Wilson. (2018). Making measurement important for education: The crucial role of classroom assessment. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 37(1), 5-20.
- Masfarizan, M. & Yusoff. (2020). Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara atas talian sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) di daerah Sentul, Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Nasional FIP 2020*, 213-218.
- Mohamed, Z., Lebar, O., & Shamsuddin, S. (2017). Pembinaan Dan Penilaian Instrumen Ujian Aptitud Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi Malaysia. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 5, 16-27.
- Norafizah. (2018). The Washback Effect of Primary School Evaluation Test (UPSR) On Teaching and Learning: A Case Study Of An English Teacher In Kuala Terengganu, Malaysia. *International Research Journal of Education and Sciences*, 2(2), 15 - 25
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Mc Graw Hill, Kuala Lumpur.

- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 101-110.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Edusyste.
- Sahari. (2002). *Pengujian Dan Penaksiran Di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Shrotryia, V. K., & Dhanda, U. (2019). Content Validity of Assessment Instrument for Employee Engagement. *SAGE Open*, 9(1), 1-7.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. (2000). *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu edisi penyesuaian*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Yusoff, M. S. B. (2019). ABC of content validation and content validity index calculation. *Resource*, 11(2), 49-54.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Muhd Rahimi Mohd Yusoff, Jamaludin Badusah & Sharala. (2014). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.